



**PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1. JAWATAN	:	SETIAUSAHA PEJABAT		
GRED	:	N27		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN & SOKONGAN		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN		
TARAF JAWATAN	:	TETAP		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN		
JADUAL GAJI	:			
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
		RM1,362.00	RM5,092.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
[Gaji Permulaan : RM1,362.00]

- (ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

[Gaji Permulaan : RM1,661.95]

- (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Disamping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

2. JAWATAN	:	PEMBANTU PENGUATKUASA		
GRED	:	N17		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN & SOKONGAN		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN		
TARAF JAWATAN	:	TETAP		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	4 KEKOSONGAN		
JADUAL GAJI	:			
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
		RM928.00	RM3,375.00	RM95.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
[Gaji Permulaan : RM928.00] atau
 - (ii) bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Koperal ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
[Gaji Permulaan : RM928.00]
 - b)
 - (i) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - i). tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii). berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii). mempunyai ukuran dada biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - iv). lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - v). pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vi). diakui sihat sesuai oleh Pegawai perubatan kerajaan; dan
 - c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (i) atau (ii) di atas hendaklah lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Membantu penguat kuasa seksyen-seksyen berkaitan dalam Bahagian IX, Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi pasar awam, penyediaan statistik penguat kuasa, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

3. JAWATAN : PEMBANTU PENILAIAN

GRED	:	W17
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM929.00	RM3,377.00	RM95.00

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
[Gaji Permulaan : RM929.00] atau
 - Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan : RM1,379.92] atau

- (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Menerima arahan dan membantu dalam melaksanakan fungsi-fungsi Pesuruhjaya Bangunan selaras peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) yang telah dipanjangkan di W. P. Labuan.

4. JAWATAN : PEMBANTU AWAM

GRED	:	H11
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	8 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM837.00	RM2,619.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
[Gaji Permulaan : RM850.00]

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my
- b) Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta **Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**;
- c) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal**;
- d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat dan borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **30 Mac 2015 (Isnin)** ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
JALAN DEWAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN
(U/P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

- e) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan dengan menghubungi talian 087-581817, 581819, dan 581814;

- f) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- g) Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga;
- h) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- i) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.